

## CONFERENCE PROCEEDING

## Kes Penasaban Anak Luar Nikah kepada Bapa Biologi dalam Undang-Undang Kehakiman di Malaysia: Analisis Fatwa

Hasnul Fikri Ahmad Sukri, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi

Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia  
[hfbas03@gmail.com](mailto:hfbas03@gmail.com)

### Abstrak

Penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi menjadi isu dalam perundangan Malaysia. Mahkamah Rayuan pada Mei 2017 telah membenarkan permohonan semakan kehakiman pasangan suami isteri dan anak lelakinya untuk memastikan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menukar perkataan 'Abdullah' sebagai bin untuk nama kanak-kanak itu kepada nama bapanya dalam sijil kelahiran. Namun, keputusan ini sangat bertentangan dengan syarak di mana dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti fatwa-fatwa negeri di Malaysia berkaitan kes penasaban anak luar nikah kepada bapa biologinya. Kajian yang menggunakan pendekatan kajian perpustakaan ini mengenal pasti fatwa-fatwa negeri di Malaysia dalam isu penasaban anak luar nikah kepada biologinya dan maklumat yang diperoleh kemudiannya dianalisis. Hasil kajian mendapati fatwa beberapa negeri adalah selari dengan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Namun fatwa negeri Perlis adalah sebaliknya.

**Kata kunci:** *anak tidak sah taraf, penasaban, perlembagaan, Syariah Islam*

### PENGENALAN

Statistik kelahiran anak luar nikah di Malaysia kian meningkat saban tahun. Perkara ini mendatangkan pelbagai isu antaranya penasaban anak luar nikah. Pada 25 Mei 2017, Mahkamah Rayuan telah membenarkan permohonan semakan kehakiman pasangan suami isteri dan anak lelakinya untuk memastikan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menukar perkataan 'Abdullah' sebagai bin untuk nama kanak-kanak itu kepada nama bapanya dalam sijil kelahiran.

Namun, keputusan ini sangat bertentangan dengan syarak di mana dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah memutuskan bahawa anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak, hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah.

Mahkamah Persekutuan pada akhirnya kembali menyebelahi JPN. Dari sudut pelaksanaan, Mahkamah Persekutuan mengambil jalan tengah yang mampu memberikan kebaikan kepada semua. Dari satu sudut, mahkamah melarang anak berkenaan di 'bin'kan dengan bapa biologi kerana ia bertentangan prinsip nasab dalam Islam. Namun, mahkamah juga meminta agar nama anak itu tanpa 'bin Abdullah' perlu kekal. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti fatwa-fatwa negeri di Malaysia berkaitan kes penasaban anak luar nikah kepada bapa biologinya.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Pengkaji mengenal pasti fatwa-fatwa negeri di Malaysia dalam isu penasaban anak luar nikah kepada biologinya dan kemudiannya menganalisis maklumat yang diperoleh.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 5 fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Fatwa beberapa negeri. Fatwa tersebut adalah seperti yang berikut:

Bilangan	Sumber	Keputusan
1.	Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan Qamariah dari tarikh sesuatu pasangan ini diakadnikahkan tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya.
2.	Jawatankuasa Fatwa Selangor	Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya.
3.	Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan	Anak tak sah taraf haram dinasabkan kepada suami ibunya atau lelaki yang menyebabkan kehamilan anak tersebut
4.	Ahli Lembaga Fatwa Negeri Sarawak	Anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu "bapanya" atau tidak hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada "Abdullah" Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali
5.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami

Berdasarkan daripada jadual di atas, jelas bahawa keputusan yang diambil oleh Mahkamah Rayuan bercanggah dengan fatwa negeri di atas kecuali fatwa negeri Perlis. Fatwa negeri Perlis memberi ruang yang mana membenarkan seorang wanita yang berkahwin dan melahirkan anak sekalipun tempoh perkahwinannya kurang daripada tempoh 6 bulan tetap boleh menasabkan (membinkan) anak yang dilahirkan kepada suaminya dengan syarat si suami tidak membantahnya. Ini bermakna, ruang perbincangan isu ini masih boleh dibahaskan dalam konteks yang lebih luas dalam fiqh melangkaui mazhab Shafi'i.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, terdapat khilaf dalam fatwa negeri-negeri di Malaysia berhubung isu penasaban anak kepada bapa biologi. Kajian lebih mendalam adalah satu keperluan untuk melihat kewajaran dalam menentukan kesan penasaban anak luar nikah kepada

bapa biologi atau kepada Abdullah. Malah keputusan Mahkamah Persekutuan tidak meletakkan nasab kepada anak luar nikah masih boleh diperhalusi dalam perbincangan fiqh. Namun, jika pandangan yang mengatakan perlu di'bin'kan kepada Abdullah adalah menjadi pegangan, dicadangkan pihak kerajaan dapat meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (BDRA) bagi memasukkan peruntukan khusus berkaitan penamaan anak orang Islam sesuai dengan ketetapan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan hal berkenaan.

## RUJUKAN

- Muhammad Taufiki, "Konsep Nasab, *Istilhaq*, dan Hak Perdata Anak Luar Nikah", *Ahkam: Vol. XII, No. 2* (Julai 2012) 59-68.
- Ali Mohtarom, "Kedudukan Anak Hasil Hubungan Zina Menurut Hukum Islam dan Hukum Positif", *Al-Murabbi: Jurnal Pendidikan Agama Islam, Vol. 3, No.2* (Jun 2018) 193-202.
- Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia", *Jurnal Syariah, 10:1* (2002) 39-52.
- Paizah Hj Ismail, "Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia", *Jurnal Fiqh, No.10* (2013) 77-9.